



KEMENTERIAN SUMBER ASLI
DAN KELESTARIAN ALAM

SIARAN MEDIA

NRES TERIMA ANUGERAH PROJEK REFORMASI KERENAH BIROKRASI (RKB) PERCEPAT LULUS LESEN MINERAL

Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) melalui Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia (JMG) telah berjaya melaksanakan projek Reformasi Karenah Birokrasi (RKB) menerusi, proses kelulusan Lesen Mineral (Tanpa Premis Penyimpanan) dipercepatkan daripada 61 hari kepada hanya 7 hari.

Pelaksanaan reformasi ini mampu mengurangkan kos pematuhan syarikat pedagang mineral hingga 20%, meningkatkan perdagangan dalam dan luar negara, serta menjana hasil kerajaan dianggarkan RM1.3 juta setahun.

Inisiatif ini juga mencerminkan komitmen berterusan NRES bagi menyokong kelancaran operasi industri dan meningkatkan kecekapan perkhidmatan awam.

Sebagai pengiktirafan, JMG dianugerahkan Sijil Penghargaan yang disampaikan oleh Ketua Setiausaha Negara (KSN), Tan Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar kepada Ketua Setiausaha NRES, Datuk Dr. Ching Thoo a/l Kim pada 10 April lepas.

Projek RKB ini dilaksanakan di bawah Pasukan Petugas Khas Reformasi Agensi (STAR) yang dipengerusikan oleh KSN bagi memastikan peraturan dilaksana dengan lebih cepat, cekap dan

berkesan serta mengurangkan kos pematuhan kepada perniagaan dan rakyat.

Program ini disokong oleh Agenda Reformasi Perkhidmatan Awam 2024–2030 bagi memastikan agensi awam menyemak semula peraturan ke arah perkhidmatan berprestasi tinggi, meningkatkan kecekapan, produktiviti dan kesejahteraan rakyat.

RKB dilaksanakan selaras dengan hasrat Malaysia MADANI bertujuan menambah baik kecekapan kerajaan ke arah melonjakkan produktiviti dan daya saing, mempermudah urusan kerajaan dan meningkatkan kesejahteraan rakyat.

RKB turut mempercepat urusan pentadbiran, memperkukuh daya saing industri dan menyokong eksport mineral secara mampan.

KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM (NRES)
16 MEI 2025



Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES)
Tel. : 03-8000 8000 | Faks : 03-8889 4763

